

MEASAT-3 kukuhkan ICT

um- 11/12/2006

Daripada HASSAN MOHD NOOR
(Baikonur Cosmodrome, Kazakhstan)

SELEPAS empat kali naik turun pesawat - Kuala Lumpur - London - Zurich - Moscow, kini Baikonur Cosmodrome yang terletak di Kazakhstan kini semakin hampir dengan delegasi yang akan menyaksikan satu lagi detik sejarah dalam teknologi satelit Malaysia.

Baikonur Cosmodrome yang terletak di Kazakhstan kini bersiap sedia. Di situlah, tidak sampai 24 jam, Satelit Asia Timur Malaysia yang ketiga atau MEASAT-3 akan dilancarkan menggunakan roket Proton Breeze M.

Jika segalanya berjalan lancar, mengikut jadual, MEASAT-3 akan dilancarkan awal pagi esok (12 Disember 2006) pada pukul 7:28:43 pagi waktu Malaysia atau pukul 5:28:43 pagi waktu Kazakhstan.

Sehingga pagi semalam di Moscow, jurucakap International Launch Services (ILS) mengesahkan segala-galanya akan berjalan lancar.

Proton Breeze-M, roket buatan Rusia itu akan membawa MEASAT-3 untuk menyertai MEASAT-1 dan MEASAT-2 yang sudah berada di orbit sejak tahun 1996.

Baikonur Cosmodrome terkenal sebagai pusat pelancaran yang meletakkan satelit pertama dunia dan juga angkasa-wan pertama, Yuri Gagarin ke orbit yang

mengembara ke angkasa melalui pesawat Vostok 1 pada 12 April 1961.

Bagi Malaysia, Baikonur Cosmodrome sebelum ini mencatatkan sejarah apabila menyaksikan mikrosatelit negara yang pertama iaitu TiungSAT-1 dilancarkan pada 26 September 2000. TiungSAT-1 yang diambil sempena nama burung tiung antara lain digunakan untuk mencerap bumi selain tujuan komunikasi. Sementara MEASAT-1 dan MEASAT-2 dilancarkan di Pusat Angkasa Lepas Guiana (CSG) Arianespace di Kourou, French Guiana. MEASAT-1 dilancarkan pada 13 Januari 1996 menggunakan Arianes-4 pada 13 Januari 1996 dan sepuluh bulan kemudian, iaitu pada 13 November, menyusul pula MEASAT-2.

Masing-masing mempunyai jangka hayat selama 12 tahun. Kedua-duanya dilancarkan dengan perbelanjaan sebanyak RM600 juta.

Dan sesuai dengan tempoh jangka hayat yang semakin menghampiri penghujungnya ditambah pula dengan perkembangan teknologi yang semakin pesat serta bagi memenuhi kehendak pengguna, maka MEASAT-3 akan mengambil kedudukan tersebut.

Pengarah MEASAT Satellite System Sdn. Bhd. (MSS) Tun Hanif Omar menyifatkan satelit dengan teknologi canggih itu akan meletakkan syarikat di barisan depan industri komunikasi satelit Asia Pasifik.

MEASAT-3 direka bentuk dengan objektif untuk menyediakan landasan transmisi satelit serba guna yang paling berkuasa dan paling berpotensi dari segi komersial.

"MEASAT-3 sudah bersedia untuk melonjakkan Malaysia ke tempat teratas dalam liga industri komunikasi satelit Asia Pasifik dan mengukuhkan lagi kedudukan MEASAT sebagai pembekal perkhidmatan komunikasi satelit yang menjadi pilihan di Asia Tenggara," kata Hanif.

MEASAT-3 yang dibina oleh Boeing Satellite Systems International Inc. (BSS) akan memberikan liputan lebih meluas di Asia Pasifik bagi perkhidmatan telekomunikasi, penyiaran dan televisyen satelit.

Ia akan meluaskan capaian liputannya ke lebih 100 negara, mewakili lebih 70 peratus daripada jumlah penduduk dunia. MEASAT-3 melibatkan pelaburan sebanyak AS\$220 juta.

Ia menyediakan transponder berkualiti tinggi 24 jalur C dan 24 jalur Ku dengan setiap jalur menyediakan 36 mhz jalur lebar dengan tempoh hayat 15 tahun.

Jalur C MEASAT-3 akan menyediakan perkhidmatan di Asia, Australia, Asia Barat, Eropah Timur dan Afrika. Jalur Ku satelit ini pula dicipta untuk menyediakan opsyen perkhidmatan berkualiti tinggi dan fleksibel bagi pembangunan aplikasi terus ke rumah (Direct

to home) seperti televisyen satelit di Malaysia, Indonesia dan Asia Selatan. Ketika ini MMS menyokong perkhidmatan televisyen pelbagai saluran DTH Astro kepada hampir 2.0 juta pelanggan di seluruh Malaysia dan Brunei.

Di samping itu satelit MEASAT sedia ada turut menyokong landasan DTH di beberapa pasaran penting termasuk Vietnam, Australia dan terkini PT Direct Vision di Indonesia.

Dengan beroperasinya MEASAT-3 nanti, ia mampu meningkatkan lebih banyak aplikasi penyiaran intensif jalur lebar yang lebih canggih seperti High Definition Television (HDTV) dan Video on demand (VOD).

Bagi Hanif, MEASAT-3 akan menjadi wadah penting bagi pertumbuhan industri teknologi dan maklumat (ICT) Malaysia pada masa depan.

"Aset MEASAT yang paling besar dalam kerjasama dengan pelanggan serantau yang kukuh ialah pengalaman dan kefahaman yang mendalam tentang pasaran Asia.

"Dengan keupayaan untuk mentafsir cara pemikiran serantau secara lebih baik daripada pesaing Eropah dan keupayaan tambahan satelit terbaru kami, MEASAT sudah bersedia untuk terus memberikan perkhidmatan komunikasi satelit yang berkualiti tinggi dan menyumbang kepada pertumbuhan yang kukuh di pasaran Asia Pasifik," kata Hanif.